

MENGIMPLEMENTASIKAN STRATEGI 7 JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)

PROGRAM PEMBINAAN KEPAKARAN EIMAS UNTUK KAKITANGAN JAS

PANDUAN PENYEDIAAN FIELD TRAINING REPORT (FTR) BAGI CALON *CERTIFIED ENVIRONMENTAL PROFESSIONAL IN IETS INSPECTION*

(CePIETSI)

Dokumen ini disediakan untuk memberi panduan kepada calon program persijilan *Certified Environmental Professional in IETS Inspection* (CePIETSI) dalam menyediakan laporan latihan di lapangan yang lebih dikenali dengan *Field Training Report* atau secara singkat, FTR. Satu kategori baru FTR diperkenalkan untuk memberi peluang kepada ramai lagi pegawai JAS menyediakan FTR dengan mengaplikasikan pengetahuan *industrial effluent engineering* (IEE) dalam melaksanakan tugas masing-masing. Butir-butir kategori baru FTR ini diterangkan dalam paragraf-paragraf berikut.

1. Hubungan program CePIETSO dan CePIETSI

CePIETSO dan CePIETSI adalah *mirror image programs* di mana program CePIETSO memberi fokus kepada aspek pengoperasian (*operational*) IETS manakala program CePIETSI kepada aspek pemeriksaan (*inspectional*) IETS. Kedua-dua program adalah seperti muka depan dan belakang sekeping wang syiling. Kejayaan program kawalan pencemaraan efluen perindustrian bergantung rapat kepada kejayaan melahirkan orang yang berkemahiran dalam bidang IETS yang memainkan peranan masing-masing termasuklah dalam aspek pengoperasian IETS dan pemeriksaan IETS. Orang yang berkemahiran di atas disebut dalam undang-undang sebagai orang yang berwibawa (*competent person*).

2. Kriteria untuk memperolehi sijil kompetensi

Sijil kompetensi mempunyai nilai pengiktirafan sesebuah badan ke atas kepakaran seseorang individu dalam sesuatu bidang kemahiran. Ia bukan sijil penghargaan, juga bukan sijil penghormatan. Secara amnya, sesiapa sahaja yang berhasrat untuk mendapatkan sebuah sijil kompetensi perlu memenuhi kriteria tertentu yang telah ditetapkan oleh sesebuah badan yang telah diberikuasa melaksanakan dan menganugerahkan program persijilan tersebut. Begitu juga dengan program persijilan CePIETSO kelolaan JAS. Seseorang yang ingin mendapat sebuah sijil kompetensi CePIETSO, sekaligus menjadi orang berwibawa perlu memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Kompetensi JAS. Di antara kriteria yang telah ditetapkan ialah menghadiri kursus CePIETSO, berjaya dalam peperiksaan, menyediakan laporan latihan di lapangan FTR dan lulus dalam temuduga. Untuk mengekalkan standard persijilan, kriteria yang agak sama juga dikenakan ke atas pegawai JAS. Kedua-dua sijil CePIETSO dan CePIETSI yang dikeluarkan JAS adalah setaraf dan setanding.

3. Laporan di Lapangan (FTR) teras program persijilan JAS

Di samping memenuhi kriteria menghadiri kursus teori dan praktikal, dan berjaya dalam peperiksaan, kriteria tambahan dalam program persijilan JAS ialah penyediaan FTR. Kriteria FTR ini menjadikan program persijilan JAS unik berbanding dengan kebanyakan program persijilan lain. Penyediaan FTR adalah syarat terakhir yang perlu dipenuhi sebelum seseorang calon program persijilan dianugerahkan sijil kompetensi sekaligus membolehkannya digelar sebagai orang yang berwibawa atau *Competent Person* (CP). FTR menterjemahkan pengetahuan yang diperolehi oleh peserta semasa hadir di kursus persijilan menjadi amalan harian di tempat kerja. FTR juga menjadi bukti kukuh pengarusperdanaan isu alam sekitar (*environmental mainstreaming*) telah berlaku dengan jayanya di sesebuah premis industri hasil kolaborasi di antara calon CP dan pihak pengurusan industri. Tanpa adanya syarat penyediaan FTR, program persijilan JAS hanyalah berjaya memindahkan teori kejuruteraan alam sekitar dan IETS kepada calon tetapi ianya tidak diterjemahkan menjadi amalan harian di lapangan. Tanpa FTR, program persijilan JAS tidak mempunyai kelebihan dan seperti kebanyakan program persijilan lain, ia hanya memerlukan seseorang calon lulus peperiksaan sahaja. Dalam metodologi penilaian keberkesanan program latihan, penyediaan FTR dikategorikan sebagai penilaian peringkat (III) yang melibatkan perubahan tingkah laku (*Level three in Kirk Partick's model of training effectiveness evaluation*).

Untuk pegawai JAS pula yang mengambil program CePIETSI, FTR membuktikan pegawai tersebut telah memanfaatkan pengetahuan IETS dan *industrial effluent engineering* (IEE) yang diperolehi dari kursus CePIETSI dan mengaplikasikannya dalam bidang tugasnya di JAS, di mana sahaja dan dalam bidang apa saja dia dipertanggungjawabkan.

4. Memanfaatkan ilmu dan penyediaan FTR

Pengetahuan yang diperolehi dari kursus persijilan CePIETSI hendaklah dimanfaatkan dalam melaksanakan tugas harian seseorang staf JAS. Sebelum ini, tiga bentuk kategori FTR telah ditetapkan, iaitu:

(i) FTR - Penguatkuasaan

Fokus FTR ini ialah melaporkan pemeriksaan industri dengan kaedah baru yang selaras dengan pendekatan *self-regulation* (peraturan sendiri). Aspek yang diberi penekanan semasa penguatkuasaan ialah pelaksanaan perkara-perkara berikut oleh pihak industri: *performance monitoring*, *performance monitoring committee* (PMC), dan *record keeping*. Garispanduan yang perlu dipatuhi ialah Panduan Penguatkuasaan IER dan *Guidelines on IETS Performance Monitoring*.

(ii) FTR - Pembimbingan

Fokus FTR ini ialah melaporkan bimbingan kepada industri untuk merancang dan seterusnya melaksanakan program *performance monitoring* di premisnya. Bimbingan ini termasuklah menentukan peralatan yang perlu dibeli, parameter yang perlu dipantau dan frekuensi persampelan, penubuhan PMC, dan penganalisan data. Garispanduan yang perlu dipatuhi ialah *Guidelines on IETS Performance Monitoring*.

(iii) FTR - Sangkutan

Fokus FTR ini ialah melaporkan pemerhatian, diskusi, dan bimbingan yang diberi semasa program sangkut industri. FTR ini juga mengandungi data *performance monitoring* yang diperolehi dari pihak industri dan dianalisis dan dibuat kesimpulan. Garis panduan yang perlu dipatuhi ialah *Guidelines on IETS Performance Monitoring*.

Setakat ini, kebanyakan FTR yang diterima oleh EiMAS adalah daripada calon-calon CePIETSI yang bertugas dalam bidang penguatkuasaan, samaada di Ibu Pejabat atau pejabat negeri. Calon-calon yang bertugas dalam bidang-bidang lain menghadapi kesulitan untuk menyediakan FTR dalam salah satu kategori di atas.

5. FTR - Penyelesaian masalah dan aplikasi pengetahuan kejuruteraan efluen perindustrian dalam pelbagai bidang

Dalam Panduan ini, satu lagi, kategori FTR diperkenalkan, iaitu FTR penyelesaian masalah dan aplikasi pengetahuan kejuruteraan efluen perindustrian (*industrial effluent engineering*) yang diperolehi dari kursus CePIETSI dalam pelbagai bidang kerja di JAS. Kategori ini membuka skop yang luas kepada seseorang staf JAS untuk memanfaatkan pengetahuan yang diperolehi dari kursus persijilan yang telah dihadiri di EiMAS dalam apa jua bidang tugas mereka. Di antara pengetahuan yang telah diperolehi ialah pengetahuan yang mendalam mengenai IER, *industrial effluent engineering*, *IETS mainstreaming*, *performance monitoring*, *record keeping*, dan *environmental change agent*. Untuk panduan yang lebih jelas, beberapa contoh diberi seperti berikut:

- (i) Seorang pegawai JAS yang telah lulus kursus CePIETSI dan sekarang sedang bertugas di Bahagian Penguatkuasaan di Ibu Pejabat dapat menyediakan FTRnya yang memberi fokus kepada aspek bagaimana pengetahuan dari kursus CePIETSI telah digunapakai dalam menjalankan tugas dan tanggung jawabnya di Bahagian Penguatkuasaan. Ini termasuklah bagaimana ilmu pengetahuan dari kursus CePIETSI dimanfaatkan beliau dalam penyediaan peraturan-peraturan baru, atau menyelesaikan kes aduan berulang, kes ketidakpatuhan serious dan sebagainya.
- (ii) Seseorang pegawai JAS yang telah lulus kursus CePIETSI dan sekarang bertugas di JAS negeri atau pejabat cawangan di Unit Aduan dapat menyediakan FTR yang memberi fokus kepada satu kes aduan serious di mana beliau telah menggunakan pengetahuan dari kursus CePIETSI untuk mengambil tindakan teknikal yang sesuai ke atas industri terbabit untuk menyelesaikan masalah aduan ini. FTR ini juga menerangkan butir-butir perbincangan teknikal yang telah diadakan di antara calon CePIETSI dan pihak kilang serta konsultan kilang untuk mencari kaedah penyelesaian terbaik.
- (iii) Seseorang pegawai JAS yang telah lulus kursus CePIETSI dan sekarang bertugas di Unit Penguatkuasaan di JAS negeri atau Cawangan yang bertanggungjawab memeriksa Dokumen Pemberitahuan di bawah Peraturan 4 IER (dan memeriksa

pembinaan dan pemasangan IETS di lapangan) dapat menyediakan FTR yang memberi fokus kepada aspek untuk menentukan rekabentuk IETS telah memenuhi spesifikasi *Guidance Document on IETS Design*.

- (iv) Seseorang pegawai JAS yang telah lulus kursus CePIETSI dan sekarang bertugas di mana-mana bahagian, seksyen atau unit boleh menyediakan FTR yang memberi fokus kepada apa jua aspek di mana ilmu dan pengetahuan IETS dan IEE telah dimanfaatkan dalam tugas hariannya atau dalam sesuatu tugas khas yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya.
- (v) Seseorang pegawai Eimas yang telah lulus kursus CePIETSI dan sekarang bertugas di mana-mana bahagian di EIMAS boleh menyediakan FTR mengenai lawatannya ke sesebuah yang telah mempunyai pegawai yang berwibawa (CP) untuk tujuan mengaudit premis tersebut. FTR hendaklah meliputi kedua-dua jenis IETS(BP) dan IETS(PCP). Fokus FTR ialah membuat semakan dan penilaian setakatmana *performance monitoring* masih dilaksanakan setelah pegawai premis dikompetenkan sebagai Competent Person

6. Kandungan FTR

Calon-calon diberi kebebasan menyediakan FTR dalam kategori yang dinyatakan dalam paragraph 5 dengan bab-bab yang ditentukannya sendiri. Walaubagaimana pun, disyorkan bab-bab berikut dimasukkan dalam FTR: Verifikasi; Deklarasi; Butir-butir Calon CePIETSI; Pendahuluan; Aplikasi Prinsip dan Pengetahuan Kejuruteraan Efluen Perindustrian (*Application of Principles and Knowledge of Industrial Effluent Engineering*), Perbincangan; Kesimpulan; dan Sumber Rujukan.

7. Bimbingan daripada pegawai JAS yang telah berjaya

Seseorang calon CePIETSI boleh, malah digalakkan untuk mendapat nasihat dan bimbingan daripada staf JAS yang telah ditauliahkan sebagai CePIETSI (*CePIETSI- Certified*) dalam penyediaan FTR.

Dato' DR. AHMAD KAMARULNAJUB
Timbalan Ketua Pengarah (pembangunan)

19 Mei, 2014